

17 OCT 2003

Mahathir-Penutup/I

MALAYSIA AKAN TERUS MENYUBURKAN OIC DI BAWAH KEPIMPINANNYA

PUTRAJAYA, 17 Okt (Bernama) -- Malaysia, pengerusi baru Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), akan berusaha menjadikan OIC sebagai sebuah pertubuhan yang proaktif bagi kebaikan 57 negara anggotanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata di bawah kepimpinan baru negara, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Malaysia akan menggunakan tiga tahun akan datang sebagai pengerusi OIC untuk mengukuhkan masyarakat Islam terutama di dalam negara anggotanya.

Dr Mahathir akan melepaskan jawatannya pada 31 Okt.

"Kami komited dan akan bersama menyaksikan satu agenda baru bagi umat Islam yang lebih bersatu dan kemajuan yang lebih tersusun dalam meningkatkan kesejahteraan ekonomi negara-negara anggota," kata Perdana Menteri dalam ucapan penutupannya di akhir Sidang Kemuncak OIC ke-10 di sini malam ini.

Sambil mengucapkan terima kasih dan penghargaan terhadap sokongan dan kerjasama daripada semua pihak sepanjang Sidang Kemuncak OIC yang bermula dengan mesyuarat pegawai kanan Sabtu lepas, Dr Mahathir berkata persidangan itu dianjurkan dengan jayanya.

Semasa dua hari mesyuarat para pemimpin itu, banyak cadangan dan pandangan telah disuarakan oleh mereka untuk mengukuhkan lagi OIC.

"Sesetengahnya mungkin telah digabungkan dalam pelbagai dokumen dan beberapa lagi perlu dibincangkan dengan lebih lanjut seperti persoalan mengenai Palestin dan pembentukan jawatankuasa yang berkaitan bagi tujuan mencapai resolusi yang konkrit," katanya.

"Sejak beberapa hari lepas kita telah bertukar pandangan yang amat berfaedah meliputi pelbagai isu kepentingan OIC terutama yang berkaitan dengan tema sidang kemuncak ini," katanya.

Tema sidang kemuncak ke-10 ini ialah "Ilmu Pengetahuan dan Akhlak Asas Kemajuan Ummah".

Dengan menegaskan bahawa OIC menghadapi banyak cabaran dan peluang yang boleh diterokai, Dr Mahathir berkata ia memerlukan tindak balas yang lebih wajar dan segera, strategi yang jelas dan pragmatik serta tindakan yang lebih selaras.

Beliau berkata pendekatan keseluruhannya hendaklah sesuatu yang kukuh, konsisten dengan prinsip keadilan dan demokrasi.

"Kita mesti mengukuhkan perpaduan kita, maruah dan penyatuan serta meluaskan kerjasama dalam aspek politik, ekonomi, sosial, kebudayaan, saintifik dan teknikal," katanya.

Dr Mahathir turut merakamkan penghargaan bahawa sidang kemuncak itu menerima Deklarasi Putrajaya untuk menyediakan rangka tindakan bagi usaha bersama.

Ia akan menawarkan prinsip panduan dan pelan tindakan yang boleh dilaksanakan bagi merencana pencapaian pertubuhan berusia 34 tahun itu pada tahun-tahun mendatang.

"Adalah penting bagi sekretariat am OIC mewujudkan satu mekanisme bagi pelaksanaan sepenuhnya saranan yang diketengahkan oleh perunding yang dilantik dan untuk mengemukakan laporan kemajuan kepada Persidangan Menteri Luar Islam (ICFM) ke-31 di Istanbul, Turki tahun depan," katanya.

-- BERNAMA

HS SM RT AZZ RON